

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

RPW 141 - Masyarakat dan Penempatan Manusia

Tarikh: 25 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Soalan SATU diwajibkan.

1. 'Alam bina ialah hasil daripada konflik-konflik yang berlaku di masa lalu dan kini; iaitu di antara mereka yang mempunyai pelbagai darjah kuasa di dalam masyarakat seperti tuan tanah, perancang bandar, pemaju, agen harta tanah, kerajaan tempatan, syarikat insurans dan sebagainya. Bila keseimbangan kuasa ini berubah dan ideologi-ideologi muncul dan tenggelam, begitulah juga kesannya terhadap alam bina'.

R.E. Pahl dalam 'Whose City,' Penguin, 1975

Bincangkan pernyataan di atas dengan menggunakan contoh-contoh petempatan di Malaysia.

(20 markah)

2. Sejauh manakah sistem ekonomi dapat membentuk struktur sosial di dalam masyarakat? Di dalam jawapan anda bincangkan juga bagaimana ia mempengaruhi apa yang dikenali sebagai ketidakadilan ruang (spatial).

(20 markah)

3. C.A. Doxiadis mengatakan bahawa petempatan manusia mempunyai dua unsur utama yang boleh dibahagikan kepada lima komponen kecil. Nyata dan bincangkan unsur dan komponen tersebut.

(20 markah)

4. Proses pembandaran selalunya digambarkan oleh kadar pertumbuhan penduduk bandar yang tinggi. Bila dibandingkan negara-negara ketiga lain, kadar pertumbuhan ini di Malaysia boleh dianggapkan sederhana. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kejadian ini dan berikan contoh untuk jawapan anda.

(20 markah)

5. Tujuan asas wujudnya pemerintahan penjajah ialah untuk memperolehi sumber ekonomi dari tanah jajahan. Dengan merujuk kepada Malaysia, bincangkan sejauh manakah pengaruh penjajahan telah membentuk corak dan sistem petempatan manusia.

(20 markah)

6. Dengan berpandukan kepada bacaan yang telah anda buat ke atas teori-teori yang berkaitan dengan petempatan manusia, bincangkan asal-usul, proses perkembangan serta struktur dalaman sesebuah bandar.

(20 markah)

7. Apakah yang dimaksudkan dengan 'pembangunan sosio-ekonomi' dan ringkaskan strategi pembangunan petempatan manusia di Malaysia sejak Dasar Ekonomi Baru dimulakan.

(20 markah)